

Penguat kuasa, masyarakat perlu jalin kerjasama cegah penyeludupan

UM/28.9.14/12/1/A/PS-

Oleh ZAINU'L AZHAR ASH'ARI
pengarang@utusan.com.my

PADANG BESAR 27 Sept. - Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail meminta agensi-agensi penguatkuasaan dan masyarakat di pelbagai peringkat supaya menjalin kerjasama erat bagi mencegah aktiviti penyeludupan daripada terus mengganggu gugat keamanan di negara ini.

Sehubungan itu, titah baginda, budaya sepakat di antara agensi berkenaan dengan masyarakat perlu diteguhkan sebagaimana kata pepatah 'bersatu kita teguh, bercerai kita roboh'.

"Jangan pula ada yang umpama 'duri dalam daging' atau 'gunting dalam lipatan' kerana bersubahat dengan penyeludup," titah baginda ketika merasmikan Kompleks Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) Padang Besar di sini hari ini.

Yang turut berangkat, Raja Perempuan Perlis, Tuanku Tengku Fauziah Tengku Abdul Rashid.

Turut hadir, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar; Menteri Besar, Datuk Seri Azlan Man dan Ketua Pengarah UPP, Datuk Ab. Rahim Ismail.

6 Jangan pula ada yang umpama 'duri dalam daging' atau 'gunting dalam lipatan' kerana bersubahat dengan penyeludup

TUANKU SYED SIRAJUDDIN PUTRA JAMALULLAIL

Raja Perlis

Tuanku Syed Sirajuddin bertitah, nilai-nilai murni seperti berakhhlak mulia, berintegriti serta sikap sayangkan tanah air perlu terus disemai di hati pada setiap masa dan ketika.

Baginda turut melahirkan penghargaan kepada UPP dan agensi-agensi penguat kuasa lain atas usaha dilaksanakan bagi membendung jenayah penyeludupan daripada berleluasa.

"Peranan dan tanggungjawab diberikan adalah amanah yang perlu ditunaikan dengan sebaik mungkin bagi mendapatkan keredaan Allah SWT," titah baginda.



TUANKU Syed Sirajuddin Putra Jamalullail menandatangani plak perasmian sambil diperhatikan oleh Tuanku Tengku Fauziah Tengku Abdul Rashid (tiga dari kanan), Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar (kiri), Azlan Man (dua dari kiri) dan Ab. Rahim Ismail (tengah) di Padang Besar, Perlis, semalam.